



10

Statistik

dan Fakta Terkini

Pengguna Internet

di Malaysia

IRFAN KHAIRI



30 juta pengguna Internet di Malaysia

Sumber Kementerian Kewangan & Statista.com

Peningkatan pengguna Internet hanya di Malaysia, nampak begitu ketara sekali semenjak tahun 2017 ke 2020. Dari 25.5 juta melonjak ke 30.4 juta! Angka yang tinggi ini tidak boleh diabaikan sebagai sasaran apa sahaja perniagaan yang dijalankan. Dengan mempunyai laman web, blog atau media sosial seperti Facebook, Instagram, YouTube dan TikTok, usahawan boleh mencapai pasaran yang lebih besar pada kos yang sangat rendah dan juga percuma!

Mengabaikan pasaran yang sebegitu besar adalah satu kesilapan yang sangat besar untuk apa sahaja perniagaan!



Sumber : Statista.com

Sekitar 80% daripada 32 juta penduduk di Malaysia, telah membeli secara atas talian semenjak 3 tahun kebelakangan ini. Mereka adalah dari golongan umur lingkungan 16 tahun sehinggalah 64 tahun. Dari lebih kurang 25 juta penduduk Malaysia itu pula (90%) daripada mereka, sentiasa mencari informasi produk dan perkhidmatan di internet sebelum membuat keputusan belian.

Tidak kira apa sahaja perniagaan anda, sama ada menjual produk fizikal, perkhidmatan atau produk digital, pastikan perniagaan anda boleh dijumpai di internet!

162 Jam: Purata masa digunakan bagi seorang pengguna Media Sosial di Malaysia

Sumber : digitalinfluencelab.com & Yougov

Kajian sebuah laman yang memiliki komuniti 9.6 juta orang, Yougov, telah mendapati, di Malaysia, purata seorang pengguna yang membuka media sosialnya setiap hari adalah selama 5 jam 40 minit. Malah, 2 dalam setiap 10 orang meluangkan masa selama lebih 9 jam sehari di pelbagai platform media sosialnya.

Sedangkan syarikat-syarikat besar seperti Nike, Coca Cola, Starbucks, Air Asia, Mc Donalds, dan banyak lagi menggunakan Facebook, Instagram, YouTube dan TikTok, apatah lagi perniagaan kecil dan sederhana, lagilah perlu menggunakan media sosial untuk mengembangkan lagi perniagaan!





**30 juta pengguna
telefon pintar,
89% guna untuk
akses Internet!**

Sumber : digitalinfluencelab.com

Angka ini menunjukkan gaya hidup setiap hari masyarakat sekarang menggunakan smartphone untuk akses ke Internet. Semakin hari, orang ramai semakin lebih meluangkan masa di Internet berbanding dengan TV atau radio. Komunikasi memainkan peranan yang penting dalam perniagaan, sekiranya dulu, telah lalui era pertanian dan perindustrian, kini kita di dalam era informasi dan komunikasi.

Usahawan perlu tahu kaedah berkongsikan maklumat dan juga berkomunikasi untuk sampaikan mesej perniagaan melalui Internet dengan lebih murah dan efektif.



82% penduduk Malaysia memilih menonton Video di online!

Sumber : Statista.com

Menurut Kajian “Kantar TN’S Connected live”, tingkah laku pengguna internet di seluruh dunia hari ini menunjukkan bahawa orang lebih suka menonton video atas talian, seperti di Facebook, Instagram, YouTube dan TikTok. Malah perkhidmatan langganan tv online seperti Netflix juga turut menjadi pilihan utama. Bukan lagi rahsia trend perniagaan terkini adalah pemasaran VIDEO!

Video Marketing untuk perniagaan adalah satu lagi TOOL yang ramai usahawan hari ini abaikan. Elakkan anda ketinggalan jauh di belakang pesaing anda!

24.9 juta pengguna FACEBOOK di Malaysia

Sumber [statista.com](https://www.statista.com)

Di awal tahun 2020, terdapat 24.9 juta pengguna Facebook di Malaysia. Ini bermakna lebih kurang 75% pengguna Internet di Malaysia mempunyai akaun Facebook. Malah angka ini dijangka akan terus meningkat kepada lebih 27 juta pengguna pada tahun-tahun yang akan datang. Ramai usahawan telah mengambil kesempatan ini dengan membina perniagaan berteraskan pemasaran menggunakan aplikasi Facebook.

Namun begitu, lebih 95% usahawan menggunakan Facebook dengan cara promosi yang salah. Ini merugikan dan hanya akan menjatuhkan kredibiliti perniagaan mereka.

12.7 juta penduduk di Malaysia menggunakan aplikasi INSTAGRAM.

Sumber : NapoleonCat.com

Pada Julai, 2020, di Malaysia, seramai 53.8% pengguna Instagram adalah terdiri daripada kaum wanita. Dan 46.2% adalah lelaki. Anggaran jumlah keseluruhan pula adalah 12,729,000. Majoriti umur adalah di dalam lingkungan antara 25 ke 34 tahun. Sekiranya pasaran perniagaan anda termasuk di dalam statistik ini, tiba masanya untuk anda turut memasarkan perniagaan anda menggunakan Instagram dengan cara yang lebih efektif.



Jumlah penduduk di Malaysia pada ketika tulisan ini, 5 Ogos 2020 adalah seramai 32,404,106 juta orang! Angka ini adalah mengikut data kiraan dari Worldometer United Nations. Daripada jumlah ini, 32.4 juta penduduk Malaysia, sebanyak 98.2% memilih untuk menggunakan enjin pencari Google dalam mencari apa sahaja informasi. Di sinilah pentingnya untuk tahu cara membawa laman web anda di hadapan enjin pencari Google supaya orang ramai dapat jumpa perniagaan anda!

Google adalah enjin pencari pilihan no #1 sedunia. Amat rugi jika perniagaan anda tiada di Google.

.Sumber : statcounter.com, Worldometer.info

98.2%

pengguna internet

di malaysia memilih

Google



openeducation

www.OpenEds.com.my

21.9 juta menggunakan Facebook Messenger

Sumber napoleoncat.com

Pada Julai 2020, pengguna Facebook Messenger, iaitu aplikasi komunikasi di dalam Facebook di Malaysia telah mencecah ke jumlah 21,910,000 juta. Ini bersamaan dengan 66.1% daripada jumlah penduduk Malaysia.



*Gunakan kesemua tool komunikasi
dan sosial media untuk mendapatkan
impak maksima dalam perniagaan*

The Star melaporkan, pada tahun 2019, pendapatan perniagaan online mencatatkan, purata sebanyak RM26.1 bilion. Semenjak itu hingga bulan April 2020, hasil purata pendapatan atas talian telah melonjak sebanyak 28.9% kenaikan. Sehingga munculnya pelbagai syarikat-syarikat *delivery* akibat terlampau banyak pesanan yang perlu dihantar dari rumah ke rumah dan pos ke seluruh Malaysia. Ini jelas, semakin ramai usahawan di Malaysia mendapat keuntungan besar dari perniagaan atas talian.

Keadaan ini menunjukkan pentingnya untuk membawa apa sahaja perniagaan anda ke Internet.

**Jualan Online
melonjak ke
RM33 bilion**

Sumber : The Star



Menurut Forbes Magazine, COVID-19 telah mempercepat lagi permintaan perniagaan online 4-6 kali ganda!

Sumber : Forbes Magazine

Wabak COVID-19 sememangnya telah melumpuhkan ekonomi sedunia di awal 2020. Namun begitu ianya adalah satu rahmat tersembunyi untuk perniagaan yang menggunakan internet untuk mendapatkan pelanggan.

Ini kerana sejak COVID-19, peningkatan permintaan untuk produk fizikal, perkhidmatan dan produk digital telah meningkat 4-6 kali ganda.

Apa lagi yang anda tunggu?...

Ingin memulakan Perniagaan di Internet?

Program Intensif Perniagaan Internet dan Strategi Media Sosial telah berjaya melahirkan beribu usahawan Internet Malaysia melalui modul teori dan juga praktikal hasil pakar perniagaan Internet #1 Malaysia, Irfan Khairi.

Layari www.openedu.com.my untuk maklumat lanjut.





MALAYSIA
TOP
ACHIEVERS
2019

LEADERSHIP EXCELLENCE IN
ONLINE MARKETING

IKSB Signature @ Oval Damansara

Kenali Irfan Khairi...

Pengasas OpenEducation di bawah Irfan Khairi Sdn Bhd telah menempa nama di Malaysia dan dikenali sebagai "jutawan Internet" oleh pihak media bermula 2005.

Seorang speaker antarabangsa, penulis dan juga personaliti TV dan radio, Irfan Khairi telah melahirkan beribu-ribu usahawan Internet yang berjaya di Malaysia dan juga luar negara melalui program-program yang dikendalikannya. Bermula 2016, beliau telah mengembangkan sayap perniagaannya ke Dubai, UAE.

Beliau juga dianugerahkan anugerah berprestij, Malaysia Top Achievers Award, Leadership Excellence in Online Marketing pada tahun 2019.